
From: UUM - Akademi Golf Nasional (UUMNGA)
Sent: Sunday, February 28, 2016 3:52 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Madya Dr. Azman B Yasin
Subject: MGA JUNIOR CLINIC NEGERI KEDAH



Akademi Golf Nasional
NATIONAL GOLF ACADEMY
Universiti Utara Malaysia

28 FEBRUARI 2016

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



MGA JUNIOR CLINIC NEGERI KEDAH ANJURAN AKADEMI GOLF NASIONAL UUM

UUM Sintok – Melalui kerjasama dengan Malaysian Golf Association (MGA), Akademi Golf Nasional UUM telah menganjurkan MGA Junior Clinic peringkat Negeri Kedah pada 26hb Februari 2016, Jumaat. Program ini dikendalikan oleh Pro N Gunalan, jurulatih pasukan kebangsaan di bawah MGA dan dibantu oleh Albright Chong, pelajar Akademi Golf Nasional UUM yang juga pemain golf kebangsaan.

Program MGA Junior Clinic ini melibatkan seramai 34 orang pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Sintok dan 10 orang pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Daru Aman yang terdiri daripada pemain yang baru mengenali golf dan ada juga yang telah mempunyai pengalaman bermain golf sebelum ini.

Objektif utama MGA Junior Clinic adalah untuk memperkenalkan sukan golf kepada pelajar-pelajar sekolah sama ada yang tidak pernah bermain golf mahupun yang telah biasa bermain golf menerusi konsep *fun and play*. Konsep ini digunapakai oleh Pro N Gunalan untuk menarik minat para peserta kepada sukan golf di samping memberikan pengalaman gembira semasa hadir ke program ini.

Program ini dibahagikan kepada 2 sesi iaitu sesi pertama dijalankan di *practice green* manakala sesi kedua diadakan di *driving range*.

Program ini bermula pada jam 8.30 pagi dan berakhir pada 12.00 tengahari.

=====

AKADEMI GOLF NASIONAL
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 SINTOK
KEDAH DARUL AMAN
NO. TEL: 04-928 3591
NO. FAX: 04-928 3592



